



HEBAHAN MEDIA

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS (RMKe-12) : KeTSA KOMITED DALAM MENYOKONG PELAKSANAAN DAN PENCAPAIAN RMKE-12

Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan tahniah kepada YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob atas pembentangan Rancangan Malaysia Ke Dua Belas (RMKe-12) yang telah dibentangkan dengan jayanya di Parlimen. Sesungguhnya Rancangan Malaysia Ke-12 ini dengan objektif "**Keluarga Malaysia - Makmur, Inklusif, Mampan**" benar-benar mencerminkan hasrat Kerajaan untuk membangunkan Negara secara menyeluruh, terangkum dan lestari dalam mendepani pelbagai cabaran semasa dan bakal dihadapi bagi tempoh lima tahun akan datang.

Berpaksikan kepada sembilan (9) fokus utama, beberapa Bab dan Bidang Keutamaan di dalam dokumen RMKe-12 menyentuh secara langsung tanggungjawab Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA). Di dalam Bab 2 : Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan di bawah Bidang Keutamaan Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti, KeTSA melalui Pelan Transformasi Industri Mineral Negara (TIM) 2021-2030 merupakan antara program yang diberi keutamaan dalam meningkatkan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi melalui pengurusan secara mapan.

Agenda pertumbuhan hijau, konservasi dan pemuliharaan sumber asli negara akan terus menjadi keutamaan dalam pembangunan negara dalam tempoh lima (5) tahun akan datang. Bagi menyokong hasrat Kerajaan dalam mempertingkat daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana, KeTSA akan memperkuuh usaha pencegahan dan mitigasi geobencana melalui pelaksanaan Projek Penghasilan Peta Bahaya dan Risiko Cerun (PBRC).

KeTSA akan terus komited bagi melaksanakan Bidang Keutamaan untuk Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula jadi. Strategi seperti pensijilan pengurusan hutan, catuan tebangan tahunan, pelaksanaan amalan terbaik dalam pengusahaan hutan, pengurusan hidupan liar serta kawasan berkepentingan biodiversiti antarabangsa akan diteruskan dan dipantau dengan penglibatan Kerajaan Negeri. Inisiatif nasional seperti *Central Forest Spine* (CFS), *Heart of Borneo* (HoB) dan Program Penghijauan Malaysia 2021-2025 akan terus dilaksana. Pelaksanaan instrumen kewangan seperti *Payment for Ecosystem* (PES), *Ecological Fiscal Transfer* (EFT) for *Biodiversity Conservation* dan *Reducing Emission from Deforestation and Forest Degradation* (Redd) bagi membiayai program pemuliharaan dan meningkatkan kawasan hutan serta kawasan perlindungan.

Selaras dengan hasrat Kerajaan untuk mempertingkatkan kemampuan tenaga melalui strategi memperkuuhkan sektor elektrik, KeTSA akan terus memainkan peranannya dalam memastikan sektor bekalan elektrik diuruskan secara strategik supaya pengguna dapat terus menikmati perkhidmatan bekalan elektrik yang berdaya harap, lestari dan mampu bayar. Selari dengan hasrat ini, Kementerian akan memberi tumpuan bagi mewujudkan industri pembekalan elektrik negara yang berdaya tahan serta kalis cabaran (*future proof*) melalui pengukuhan sistem bekalan elektrik di Semenanjung bagi menampung peningkatan kemasukan tenaga solar ke dalam sistem. Selain itu, sistem grid negara juga akan diperkuuhkan bagi menampung pertambahan beban pada masa hadapan. KeTSA juga pada masa ini sedang mengkaji dan menyemak kadar tarif asas elektrik di Semenanjung bagi tempoh tiga tahun, bermula pada tahun 2022 dalam usaha untuk memastikan kemampuan industri bekalan elektrik di Semenanjung.

Usaha bagi meningkatkan kualiti pembekalan elektrik di Sabah juga akan terus menjadi agenda utama Kementerian. Selaras dengan fokus utama bagi memperkuuh pembangunan sosioekonomi di Sabah, sistem bekalan elektrik di Sabah akan terus diperkuuhkan melalui pembangunan dan penaiktarafan loji-loji penjanaan serta rangkaian penghantaran dan pembahagian. Bagi mengatasi masalah kekurangan penjanaan bekalan elektrik di Pantai Timur Sabah, Kementerian sedang mengenal pasti opsyen-opsyen bagi menambah kapasiti penjanaan di Pantai Timur Sabah yang diperlukan selewat-lewatnya pada tahun 2025/2026 bagi memenuhi permintaan yang kian meningkat. Selain itu, Kementerian juga telah menetapkan sasaran SAIDI Sabah pada kadar 150 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2025 dalam usaha untuk memastikan rakyat Sabah dapat menikmati perkhidmatan bekalan elektrik yang lebih baik dan berdaya harap (SAIDI adalah merupakan indeks bagi mengukur purata kadar gangguan yang dialami oleh setiap pelanggan setahun). Selain itu, penetapan tarif elektrik berdasarkan Rangka Kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) akan diperkenalkan di Sabah pada tahun 2022 untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan bekalan elektrik oleh Sabah Electricity Sdn. Bhd. Rundingan untuk menyerahkan kuasa kawal selia industri bekalan elektrik juga akan diteruskan dalam tempoh RMKe-12.

Dalam menyokong hasrat Kerajaan untuk mencapai aspirasi bagi menjadi sebuah negara yang neutral karbon seawal-awalnya pada tahun 2050, KeTSA akan meneruskan agenda untuk meningkatkan kapasiti penjanaan elektrik daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Menjelang tahun 2025, kapasiti TBB dalam penjanaan elektrik negara disasarkan mencecah 31% dan ia dijangka akan meningkat kepada 40% pada tahun 2035. Bagi mencapai sasaran ini, Kementerian akan meneruskan dan menambah baik program-program yang melibatkan penjanaan elektrik daripada sumber TBB seperti *Large Scale Solar* (LSS), *Net Energy Metering* (NEM) dan *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA). Kementerian juga akan memperkenalkan program-program baru dalam memenuhi permintaan TBB yang kian meningkat dalam kalangan sektor korporat dalam memenuhi komitmen *Environmental, Social and Governance* (ESG).

Dalam memastikan pencapaian sasaran penjimatan penggunaan tenaga sebanyak 8% menjelang tahun 2025, Kerajaan akan terus melaksanakan inisiatif yang dirancang di bawah Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara 2016-2025. Selain itu, KeTSA akan membentangkan Rang Undang-undang Kecekapan dan Konservasi Tenaga di Parlimen pada tahun 2022 bagi menyediakan kerangka perundangan untuk mengawal selia dan menyokong pelaksanaan inisiatif kecekapan tenaga secara menyeluruh khususnya untuk pengguna elektrik berintensiti tinggi dalam sektor industri dan komersil. Kedua-dua sasaran Tenaga Boleh Baharu dan Kecekapan Tenaga yang ditetapkan ini akan menyokong agenda Kerajaan dalam memenuhi komitmen negara di bawah Perjanjian Paris.

Secara keseluruhan, perancangan dan sasaran yang ditetapkan dalam RMKe-12 ini adalah selari dengan Visi Kementerian sebagai Peneraju Kemampanan Industri Bekalan Elektrik dan Tadbir Urus Sumber Asli untuk Kesejahteraan Negara. Justeru, KeTSA komited dalam menyokong pelaksanaan dan pencapaian RMKe-12 ini melalui penajaran semua projek dan program/inisiatif yang sedang dilaksana serta yang akan dirancang oleh Kementerian ini untuk tempoh 2021-2025.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

29 SEPTEMBER 2021